

ANUGERAH TRANSFORMASI DIGITAL (Adx)

BIL	KATEGORI	PERKARA	PERINCIAN	SKALA MARKAH PENILAIAN					PEMBUKTIAN	MARKAH	MARKAH AKHIR	PEMBERAT (100%)
				1	2	3	4	5				
1	Permasalahan	Cabaran Agensi	Apakah cabaran/masalah yang dihadapi oleh Agensi atau pelanggan? Apakah yang cuba diselesaikan atau ditransformasikan oleh Agensi?	Masalah dan cabaran melibatkan satu unit/bahagian sahaja	Masalah dan cabaran melibatkan beberapa unit/bahagian dalam agensi sahaja	Masalah dan cabaran melibatkan beberapa unit/bahagian dan pelanggan	Masalah dan cabaran melibatkan Agensi (termasuk Pengurusan) dan Pelanggan	Masalah dan cabaran melibatkan pelbagai Agensi dan Pelanggan	i. Contoh permasalahan yang dialami oleh agensi. ii. Proses kerja sedia ada iii. Dokumen yang berkaitan jika ada		0	7
2	Solusi	Penyelesaian	Terangkan bagaimana projek transformasi ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi?	Solusi dibangunkan tetapi hanya menyelesaikan sebahagian masalah yang dihadapi	Solusi yang dibangunkan masih melibatkan beberapa proses manual dan digital (hybrid) bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi sepenuhnya.	Solusi dibangunkan dan disokong oleh sistem lain bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi sepenuhnya (tanpa integrasi sistem)	Solusi digital dibangunkan secara bersepadu dan saling berintegrasi dengan sistem yang lain bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi sepenuhnya.	Solusi digital dibangunkan secara bersepadu dengan menggunakan teknologi moden dan saling berintegrasi dengan sistem yang lain bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi sepenuhnya.	i. How it works ii. Interface solusi digital		0	10
		Teknologi	Apakah teknologi utama yang digunakan bagi projek transformasi ini? (Contoh, blockchain, big data, analytics, Artificial Intelligence, machine learning dan lain-lain)	Menggunakan teknologi sedia ada tidak termasuk emerging technologies	Dalam perancangan menggunakan emerging technologies	Dalam peringkat pembangunan menggunakan emerging technologies	Telah dilaksanakan sepenuhnya menggunakan emerging technologies	Telah menggunakan dua atau lebih emerging technologies	i. Bagaimana teknologi utama ini menyokong solusi ini? ii. Mengapa teknologi utama ini dipilih? iii. Arkitektur sistem		0	7
3	Manfaat	Impak projek	Apakah manfaat dan penambahbaikan yang diperolehi daripada pelaksanaan projek transformasi ini?	Impak projek dinikmati oleh unit/bahagian dalam sahaja	Impak projek dimanfaatkan beberapa unit/bahagian dalam agensi sahaja.	Impak projek dinikmati oleh beberapa unit/bahagian dan pelanggan	Impak projek dinikmati oleh agensi dan pelanggan	Impak projek dinikmati oleh pelbagai agensi dan pelanggan	i. Testimonial pengguna bagi membuktikan solusi ini menyelesaikan masalah yang dihadapi ii. Proses Kerja sebelum dan selepas iii. Adakah solusi ini boleh diperluaskan/digunakan semula kepada Agensi yang lain iv. Metriks / Indikator berkaitan		0	11
		Impak data	Adakah terdapat manfaat kepada aktiviti data seperti perolehan dan pengumpulan data, perkongsian data, integrasi data dan lain-lain.	Melibatkan proses data manual kepada digital/sistem	Melibatkan proses data manual kepada digital/sistem dan melibatkan perolehan dan pengumpulan data-data baru	Data diperolehi secara digital dan data tersebut boleh dieksport/muat turun untuk lain-lain tujuan	Data yang diperolehi sedia untuk diintegrasikan secara real-time melalui API (API ready)	Data diperolehi secara digital/melalui integrasi dengan sistem lain dan data sedia untuk dianalisa, diintegrasikan dan dikongsi.	- Bil. aktiviti data - Sampel data, APIs dll - Senarai unit/bahagian/abatan/ agensi yang mendapat manfaat data - Senarai sistem yang telah diintegrasikan dan akan/bertpotensi untuk diintegrasikan bagi tujuan perkongsian data		0	14
4	Keterlibatan	Ekosistem	Apakah kaedah atau pendekatan yang digunakan ketika melibatkan pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek transformasi digital ini? (Cth: Lab/bengkel, townhall dll)	Melibatkan perbincangan dan pengguna dalam daripada satu unit/bahagian sahaja.	Melibatkan perbincangan dan pengguna dalam daripada beberapa unit/bahagian.	Menganjurkan bengkel dan pengguna dalam daripada beberapa unit/bahagian.	Menganjurkan bengkel dan melibatkan dalam Agensi, pelbagai agensi luar dan pelanggan	Menganjurkan bengkel dan melibatkan dalam Agensi, pelbagai agensi luar dan pelanggan	- Mengapa pendekatan ini dipilih - Gambar berkaitan (cth: gambar perbincangan, bengkel, pengujian sistem bersama pengguna dll)		0	7
		Pengguna	Senaraikan pemegang taruh (dalam dan/atau luaran) yang merupakan pengguna kepada projek transformasi ini.						- Senarai pemegang taruh - Sign-off projek oleh pengguna yang terlibat dalam penggunaan solusi digital		0	7
5	Pitch	Terangkan mengapa pencalonan ini layak untuk Adx	[Nama Solusi Digital] merupakan Projek Transformasi Digital bagi [Nama Agensi] layak sebagai pemenang Anugerah Transformasi Digital bagi tahun 2023 kerana...								0	7
6	Perancangan Strategik	Perancangan Strategik Pendigitalan	Sejauh mana agensi menyediakan perancangan strategik pendigitalan untuk tempoh tertentu serta pemantauan pencapaian perancangan	Tiada	Dalam perancangan untuk penyediaan	Dalam pembangunan	Telah dibangunkan dan dalam pelaksanaan	Dalam pelaksanaan dan telah dibuat kajian semula	Pembuktian: i. Pelan strategik pendigitalan agensi; ii. sasaran kerja tahunan/dalam tempoh tertentu; iii. mini mesyuarat berkaitan pemantauan perancangan		0	8
7	Kepimpinan	Peranan CDO dalam pengurusan agensi	Sejauh manakah Ketua Pegawai Digital (CDO) terlibat dalam menerajui dan menjayakan pelaksanaan inisiatif digital di agensi	CDO tidak terlibat dalam pelaksanaan inisiatif digital	CDO menguruskan sekurang-kurangnya satu (1) mesyuarat berkaitan pengurusan digital di agensi	CDO menguruskan semua mesyuarat berkaitan pengurusan digital di agensi	CDO menguruskan semua mesyuarat berkaitan pengurusan digital dan mewujudkan budaya digital di agensi	CDO menguruskan semua mesyuarat berkaitan pengurusan digital dan mewujudkan budaya digital di agensi serta di luar agensi	Peranan CDO merangkumi: i. Kekerapan kehadiran/mempengerusikan mesyuarat berkaitan ICT peringkat agensi (contoh: Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC), Pengurusan Laman Web, Pengurusan Keselamatan Maklumat); ii. Kekerapan mempengerusikan mesyuarat berkaitan inisiatif digital yang dilaksanakan di agensi; iii. Kekerapan mewujudkan budaya berpacuan data melalui penggunaan data dan teknologi digital di agensi. iv. Kekerapan menilai, menyelaras, memperaku keperluan perkhidmatan digital dan bajet sebagai pelaksana inisiatif dan projek pendigitalan; v. Kekerapan mempengerusikan mesyuarat penyediaan/penjajaran semula Pelan Strategik Pendigitalan Agensi dengan PSP Sektor Awam. vi. Penglibatan CDO dalam forum/persidangan berkaitan Digital (contoh: Simposium Kerajaan Digital negeri)		0	5

		Peranan Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO)	Sejauh manakah peranan Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) dalam memastikan keselamatan ICT agensi dilindungi?	ICTSO tidak melaksanakan semua peranan dalam memastikan keselamatan ICT agensi dilindungi	ICTSO telah melaksanakan peranan i dan ii	ICTSO telah melaksanakan peranan i, ii dan salah satu peranan lain.	ICTSO telah melaksanakan peranan i, ii, iv dan vi	ICTSO telah melaksanakan semua perananA	Peranan ICTSO adalah seperti yang berikut: i. Memastikan DKICT/PKS agensi telah disediakan, diluluskan dan dikaji semula setiap tahun; ii. Memastikan warga agensi telah diberi pendedahan dan menandatangani Surat Akaun Pematuan DKICT/PKS; iii. Melaksanakan program kesedaran/pendedahan berhubung keselamatan ICT; iv. Memastikan penilaian dan pengolahan risiko (risk treatment) aset ICT dilaksanakan; v. Memastikan pemantauan keselamatan ke atas semua aset ICT agensi dilaksanakan; vi. Memastikan insiden keselamatan ICT dilaporkan, dikendalikan, tindakan pembetulan dan pencegahan dilaksanakan; vii. Memastikan amalan terbaik keselamatan ICT (SPA, ISMS, PKP dan ISMP) dilaksanakan; dan viii. Memastikan aspek keselamatan ICT diambil kira dalam perolehan dan pembangunan sistem agensi.		0	3
8	Keselamatan	Pensijilan ISMS	Sejauh manakah agensi melaksanakan pensijilan MS ISO/IEC 27001 ISMS bagi semua fungsi kritikal yang dipersetujui oleh pengurusan agensi?	Tiada	Dalam perancangan untuk penyediaan	Dalam pembangunan	Telah dibangunkan dan dalam pelaksanaan	Dalam pelaksanaan dan telah dibuat kajian semula	Fasa pelaksanaan pensijilan ISMS: 1. Perancangan; 2. Pelaksanaan; 3. Pemantauan; dan 4. Pensijilan. Definisi fungsi kritikal adalah perkhidmatan atau fungsi utama agensi yang perlu dipulihkan segera apabila berlaku gangguan atau bencana. Perkhidmatan atau fungsi ini tidak boleh terganggu sehingga memberi kesan kepada keupayaan agensi untuk mencapai objektif minimum kesinambungan perkhidmatan. Perkhidmatan atau fungsi kritikal ini ditentukan dengan menyenaraikan utamakan perkhidmatan atau fungsi-fungsi utama agensi berdasarkan penilaian risiko dan analisis impak perkhidmatan dan kawalan sedia ada. Sekiranya salah satu kemudahan seperti rangkaian, aplikasi, personel dan lain-lain memberi impak besar kepada perkhidmatan atau fungsi utama ini terganggu, maka perkhidmatan atau fungsi utama ini adalah dianggap perkhidmatan atau fungsi kritikal yang perlu dibaik pulih segera apabila berlaku gangguan atau bencana. Dalam		0	2
9	Perkhidmatan Dalam Talian	Penyediaan Perkhidmatan Dalam Talian	Berapakah peratus perkhidmatan agensi yang ditawarkan secara E2E kepada pengguna berbanding perkhidmatan keseluruhan? (Perkhidmatan E2E/Jumlah perkhidmatan keseluruhan)	$0\% \leq x < 35\%$	$35\% \leq x < 50\%$	$50\% \leq x < 65\%$	$65\% \leq x < 80\%$	$x \geq 80\%$	Definisi E2E: Perkhidmatan yang dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir proses yang boleh diakses pada bila bila masa dan di mana mana tanpa berurusan secara bersemuka Perkara yang disemak: i. Senarai keseluruhan perkhidmatan agensi (perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi sahaja dan tidak termasuk jabatan selain agensi); ii. Senarai perkhidmatan E2E yang dilaporkan ke SUK; dan iii. Pelaporan status pelaksanaan E2E yang dilaporkan ke SUK. Kaedah Pengiraan: Peratus perkhidmatan secara E2E kepada pengguna = (Jumlah pelaksanaan E2E / Jumlah keseluruhan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi) x 100%		0	5
		Penggunaan Perkhidmatan Dalam Talian	Sejauh manakah agensi melaksanakan usaha-usaha meningkatkan penggunaan perkhidmatan secara dalam talian E2E?	Tiada tindakan	Telah dirancang untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan dalam talian E2E	Telah melaksanakan aktiviti untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan dalam talian E2E secara ad-hoc	Telah melaksanakan aktiviti untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan dalam talian E2E secara berkala	Telah melaksanakan aktiviti untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan dalam talian E2E secara berkala dan berkolaborasi dengan agensi lain.	Contoh usaha-usaha peningkatan penggunaan perkhidmatan secara dalam talian E2E: i. Pemberian insentif seperti pemberian diskaun atau ganjaran mata; ii. Promosi/Hebah kepada rakyat/kumpulan sasar; dan iii. lain-lain usaha yang relevan		0	2
10	Promosi dan Lathan	Promosi program pendigitalan	Sejauh mana agensi merancang serta melaksanakan program-promosi bagi inisiatif digital yang dibangunkan	Tiada promosi dilaksanakan	Dalam peringkat perancangan melaksanakan promosi berkenaan	Melaksanakan promosi berkenaan secara ad hoc	Melaksanakan promosi berkenaan secara berkala	Melaksanakan promosi berkenaan secara berkala dan berkolaborasi dengan agensi lain.	Contoh-contoh promosi: i. Penggunaan media sosial agensi; ii. Penggunaan perkhidmatan radio kerajaan atau swasta; iii. Edaran poster, banner dan sebagainya; iv. Membuka booth di program-program luar; v. Latihan berkaitan kepada warga agensi Perancangan promosi/lathan boleh dibuat dalam bentuk pelan promosi atau sasaran kerja yang dibentangkan dan mendapat kelulusan di peringkat pengurusan agensi.		0	3
11	Portal Kerajaan Negeri	Penglibatan Agensi dalam memperkasakan Portal Kerajaan Negeri Pahang	Sejauh mana penglibatan agensi dalam menjayakan pemerkasaan informasi dalam Portal Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun semasa	Agensi tidak terlibat dalam memperkasakan dan/atau perkhidmatan di Portal Kerajaan Negeri	Agensi terlibat sebahagian dalam memperkasakan informasi dan/atau perkhidmatan di Portal Kerajaan Negeri (1-2 kali)	Agensi terlibat sebahagian dalam memperkasakan informasi dan/atau perkhidmatan di Portal Kerajaan Negeri (3-4 kali)	Agensi telah memperkasakan sebahagian informasi dan/atau perkhidmatan di Portal Kerajaan Negeri (5-6 kali)	Agensi memperkasakan informasi dan/atau perkhidmatan di Portal Kerajaan Negeri (Melebihi 6 kali)	Tempoh kekerapan memperkasakan informasi kepada Portal Kerajaan Negeri. Pembuktian dokumen yang dihantar emel/screenshot: - sertakan bukti perkongsian termasuk bilangan perkongsian keseluruhan		0	2

JUMLAH MARKAH

100